

02/02/1999

Cukai keluar untungkan negara: Daim

SUNGAI PETANI, Isnin - Cukai keluar yang akan dikenakan kepada pelabur asing adalah langkah yang menguntungkan negara dan tidak merugikan mana-mana pihak, kata Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin.

Beliau berkata, kerajaan yakin langkah itu juga tidak akan menjejaskan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) kerana pelabur asing dijangka tidak akan menarik keluar pelaburan mereka.

"Pelabur asing tidak akan menarik keluar wang mereka jika pelaburan mereka akan mendatangkan keuntungan," katanya selepas majlis Aidilfitri bersama penghuni Rumah Kenangan Seri Bedong, di sini.

Majlis Aidilfitri bersama orang tua itu dianjurkan oleh Umno Bahagian Merbok. Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid turut hadir pada majlis itu.

Daim yang juga Ahli Parlimen Kawasan Merbok berkata, kajian berhubung pelaksanaan cukai berkenaan sudah disiapkan dan tarikh berkuat kuasanya akan ditentukan oleh kerajaan.

Beliau mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Malaysia sedang mengkaji pelbagai alternatif bagi mempermudah aliran masuk modal asing untuk tujuan pelaburan di negara ini pada masa depan.

Perdana Menteri berkata, pada masa yang sama kerajaan juga sedang meneliti untuk memperkenalkan cukai keluar kepada pelabur asing yang mahu membawa keluar pelaburan mereka dalam ekuiti Malaysia.

Daim berkata, sebenarnya pelabur asing yang menyarankan supaya Malaysia memperkenalkan cukai keluar itu supaya mereka boleh menyertai pelaburan di negara ini.

"Pelabur asing tengok saham-saham kita sudah naik indeksnya 260 sampai 600...Mereka (pelabur asing) tengok kenaikan itu, tetapi mereka tidak dapat mengambil bahagian.

"Jadi mereka cadangkan supaya diadakan satu cara iaitu exit tax (cukai keluar)," katanya.

Sementara itu, beliau yang juga Menteri Tugas-Tugas Khas berkata Malaysia diminta menyediakan satu kertas kerja bagi mewujudkan pakej kawal selia sistem kewangan dunia untuk dibentangkan pada Persidangan Kumpulan 15 (G15) di Jamaica, minggu depan.

Malaysia berharap cadangan itu akan mendapat sokongan daripada negara yang menyertai persidangan berkenaan.

(END)